



## NOTIS SEBUT HARGA (MPOB)

Syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) adalah dipelawa bagi menyertai sebut harga berikut :-

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	SYARAT PENYERTAAN	BUTIRAN PENGAMBILAN DOKUMEN
<p>NO. SEBUT HARGA: MPOB/Q2024/E&amp;P/09</p> <p>MEMBEKAL, MENGHANTAR SERAH, MEMASANG, MENGUJILARI DAN MEMBERI LATIHAN 18 UNIT JENTERA AGROPORTER ATAU SEUMPAMANYA UNTUK PROGRAM INSENTIF MEKANISASI DAN AUTOMASI KOMODITI SAWIT KEPADA PENERIMA INSENTIF BATCH KEEMPAT &amp; KELIMA</p>	<p>i) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) dalam kod bidang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) 060501 - Peralatan Makmal Serta Aksesori; atau</li> <li>b) 060502 - Peralatan Makmal Pengukuran, Pencerapan Dan Sukat; atau</li> <li>c) 130101 - Peralatan Kejuruteraan dan Mesin, Kelengkapan Bengkel; atau</li> <li>d) 130102 - Peralatan Kejuruteraan dan Kelengkapan Bengkel dan Kelengkapan khusus; atau</li> <li>e) 130202 - Peralatan Kejuruteraan dan Mesin Pengeluaran Janakuasa Letrik; atau</li> <li>f) 220601 - Perkhidmatan/ Penyelenggaraan/ Pembaikan Kelengkapan Mesin dan Peralatan Makmal; atau</li> <li>g) 070303 - Pertanian, Perhutanan dan Ternakan/ Ubat, Makanan Ternakan/ Tumbuhan, Peralatan dan Aksesori/ Peralatan dan Kelengkapan Pertanian/Ternakan /Akuatik; atau</li> <li>h) 222104 - Pertanian/ Tanaman/ Ladang/ Taman/ Hutan Dan Ladang Hutan</li> </ul> <p>ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF), jika ada</p> <p>iii) Sijil Pematuhan Cukai, <i>Tax Compliance Certificate</i>, TCC</p>	<p><b>Tarikh :</b> 07 Mei 2024 hingga 13 Mei 2024</p> <p><b>Masa :</b> 9.00 pagi – 4.00 petang</p> <p><b>Tempat :</b> Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB</p> <p><b>Pegawai Bertanggungjawab:</b> En. Mohd Ikmal Hafizi bin Azaman (No. Tel. H/p: 0111-035 8589)</p>

2. **Hanya Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM atau wakil sah syarikat dengan Surat Perwakilan Kuasa** sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebut harga yang akan diberi secara percuma di alamat seperti jadual di atas.
3. Salinan sijil-sijil berkenaan hendaklah dikemukakan semasa mengambil dokumen sebut harga dan diserahkan kepada MPOB untuk simpanan.
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis **Nombor dan Tajuk Sebut harga** di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebut harga pada atau sebelum tarikh tutup sebut harga di alamat: **Peti Tender/Sebut Harga, Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
5. Tarikh tutup sebut harga adalah pada **14 Mei 2024 (Selasa), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.